

# PM dapat injunksi *ad-interim* terhadap AgendaDaily

Oleh SUWARNI MOKHTAR

utusannews@mediamulia.com.my


**KUALA LUMPUR:** Mahkamah Tinggi di sini membenarkan permohonan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob untuk mendapatkan injunksi *ad-interim* (sementara) terhadap pemilik portal berita AgendaDaily yang memerintahkannya memadam artikel yang dikatakan memfitnah Perdana Menteri itu.

Permohonan perintah *ad-interim* tersebut dikeluarkan Pesuruhjaya Kehakiman, Evrol Mariette Peters sementara menunggu pendengaran injunksi *inter-parte* (kedua-dua belah pihak) pada 27 April ini.

Perkara tersebut dimaklumkan peguam Joshua Tan yang mewakili Ahli Parlimen Bera itu ketika dihubungi media, semalam selepas tamat prosiding pengurusan kes yang dijalan secara dalam talian.

Pada 18 Februari lalu, mahkamah membenarkan permohonan injunksi *ex-parte* (sebelah pihak) Ismail Sabri bagi tujuan serupa namun perintah tersebut hanya berkuat kuasa sehingga 11 Mac ini.

Muhammad Izwan juga diperintah tidak membuat sebarang kenyataan yang memba-



yangkan Ismail Sabri terdesak untuk kekal sebagai Perdana Menteri dan bahawa beliau 'rayu' atau akan 'rayu' kepada parti politik untuk tidak menarik balik sokongan terhadapnya.

"Pada prosiding hari ini (semalam), kami turut menyebut bagi pihak defendan (Muhammad Izwan Mohd. Zubit). Defendan memaklumkan pihaknya memerlukan masa untuk memfailkan affidavit jawapan kerana baru melantik peguam. Mahkamah membenarkan permohonan itu.

"Mahkamah juga membenarkan lanjutan perintah injunksi *ad-interim* sementara menunggu keputusan permohonan injunksi *inter parte* yang akan didengar pada 27 April ini," kata Joshua.

Menurut pernyataan tuntutan, pada 30 Januari lalu, defendan telah menerbitkan satu artikel bertajuk 'Ismail Sabri bimbang jadi PM paling singkat, 'rayu' jangan tarik sokongan' yang dikatakan berbaur fitnah.

Artikel terbabit juga telah diterbitkan semula dalam laman sesawang 'The MalaysiaLife' yang boleh diakses oleh orang awam.

Ismail Sabri dalam pernyataan tuntutannya menyatakan, artikel terbabit antara lain menggambarkan dirinya sebagai seorang yang tidak jujur dan terdesak untuk kekal menjadi Perdana Menteri dalam apa jua cara.

Artikel tersebut turut menggambarkan Ismail Sabri sebagai seorang yang mementingkan kedudukannya sebagai Perdana Menteri berbanding kepentingan Malaysia dan rakyatnya dan parti politik UMNO.

Artikel itu juga didakwa dibuat dengan niat jahat bagi menjatuhkan reputasinya sebagai Perdana Menteri dan ahli UMNO.

Pada 3 Februari lalu, peguam

mewakili Ismail Sabri menghantar surat tuntutan memohon defendan untuk memadamkan artikel tersebut dan memohon maaf. Namun permohonan tersebut sehingga hari ini masih belum dilaksanakan.

Oleh itu, Ismail Sabri memohon satu perintah injunksi agar defendan memadamkan artikel berbaur fitnah itu dalam semua laman sesawang dan media sosial kendalian Muhammad Izwan.

Plaintif turut memohon satu perintah mahkamah agar defendan menyerahkan dokumen bagi menunjukkan bahawa artikel terbabit telah dipadamkan dalam tempoh 24 jam dari tarikh penghakiman.

Turut dimohon ialah permohonan maaf daripada defendan dalam bentuk yang akan ditentukan oleh plaintif yang akan diterbitkan dalam laman sesawang dan di 21 akhbar tempatan dalam tempoh tujuh hari dari tarikh penghakiman.

Ismail Sabri turut menuntut ganti rugi am, tambahan dan teladan yang akan ditaksirkan kemudian oleh mahkamah, faedah sebanyak lima peratus dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh serta kos dan relif-relif lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.